




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **73 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,989 kes**. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah ialah 35 menjadikan jumlah kumulatif 54,069 orang. Seramai 483 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 205 orang di hospital dan 278 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 28 orang dan 16 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Penampang berubah dari zon Jingga ke zon kuning manakala daerah telupid bertukar dari zon kuning ke zon hijau.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah enam (6) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning 13 daerah
- Zon Hijau lima (5) daerah

- 5 Terdapat **dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.
- i **Kluster Kubota Sentral** di Tawau menambah dua (2) kes baharu positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak sembilan (9) kes. Kes indeks merupakan lelaki berumur 25 tahun dan jurujual di premis kelengkapan rumah. Kes indeks disahkan positif setelah menjalani saringan bergejala di salah sebuah klinik pada 29 Mac 2021. Saringan di tempat kerja mendapati enam (6) kes positif, sementara dua (2) kes lagi melalui saringan kontak rapat iaitu ahli keluarga kepada rakan sekerja. Aktiviti pengesahan kontak rapat dan punca jangkitan masih giat dijalankan.
  - ii **Kluster Kg Simpang Tiga Merotai, Kalabakan dan Tawau** pada hari ini mencatat tiga kes positif COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 10 kes. Kes indeks merupakan wanita berusia 44 tahun bersama anak lelaki, berumur 14 tahun yang tinggal di Kg Simpang Tiga Mukim Merotai. Kedua-duanya disahkan positif menerusi saringan bergejala pada 25 Mac 2021 dan telah dimasukkan ke wad di pusat perubatan. Berdasarkan penelitian, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika menghadiri majlis kenduri meminang pada 17 Mac 2021 di Kg Pasir Putih. Susulan kes itu, daripada 36 orang yang disaring sejak 28 Mac 2021 hingga hari ini, 10 kontak rapat disahkan positif iaitu dua (2) ahli keluarga dari Taman Sawit, Balung dan lapan (8) orang lagi keluarga dari Kg Simpang Tiga Merotai. Aktiviti pengesahan kontak rapat sedang giat dijalankan.
- 6 Daripada 73 kes positif COVID -19, sebanyak 28 kes (38.4%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 11 kes (15.1%) saringan bergejala, 28 kes (38.4%) dari kluster baharu dan sedia ada serta enam (6) kes (8.1%) dari lain-lain kategori.

- 7 Jumlah kapasiti katil 3,940 unit
- Hospital 542 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,978 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 12.26%.

## **B SARANAN KERAJAAN NEGERI**

- 1 Orang ramai yang pernah berkunjung ke premis Courts Malaysia di Kubota Central, Mukim Sri Tanjung Tawau pada 22 Mac 2021 sehingga hari ini, DIKEHENDAKI hadir ke klinik-klinik kesihatan awam berdekatan untuk menjalani saringan COVID-19.
- 2 Seperti yang diketahui umum, peningkatan penularan kes COVID-19 di Sabah adalah berpunca daripada majlis-majlis keramaian seperti perkahwinan, majlis kenduri-kendara dan majlis-majlis sosial yang lain. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan membangunkan satu aplikasi dalam masa terdekat sebagai saluran untuk masyarakat mendaftarkan sebarang majlis sebagai pemakluman kepada kerajaan.

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat ini, seramai **enam (6)** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **42,380** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **1,314** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **22,614** orang.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sejumlah **296,342** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 30 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 11,347 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 29 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dan kompaun dan dibuat.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 86 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan telah dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 325 lokasi melibatkan seramai 165 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 103 anggota RELA di 100 lokasi.
- 5 Sejumlah 54 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98%
2	Sipitang	98%
3	Tenom	98%
4	Kudat	98%
5	Kota Marudu	97.5%
6	Penampang	97%
7	Beaufort	97%
8	Papar	97%
9	Sandakan	97%
10	Kunak	97%
11	Kota Kinabalu	97%
12	Lahad Datu	97%
13	Beluran	97%
14	Tuaran	97%
15	Ranau	96.5%
16	Kinabatangan	96.5%
17	Kota Belud	96.5%
18	Keningau	96%
19	Tawau	95.5%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
03 APRIL 2021**